

# Dunia hilang satu lagi suara berkesan keamanan sejagat

Oleh **HAMDEN RAMLI**

KUALA LUMPUR 3 April — Kematian Pope John Paul II bermakna dunia kehilangan satu lagi suara berkesan yang boleh mempengaruhi negara-negara kuasa besar dalam soal keamanan sejagat.

Bekas Perdana Menteri, Tun Dr. Mahathir Mohamad berkata, semasa hayatnya mendiang sanggup memberi dan mendengar pandangan daripada semua pihak termasuk umat Islam.

“Mendiang juga mengambil berat tentang isu-isu antarabangsa dan akan cuba berlaku adil dalam mencari penyelesaian.

“Jadi pemergiannya bermakna satu suara yang berkesan dan mempunyai pengaruh dalam mengurangkan tekanan yang kita lihat sekarang ini dilakukan oleh kuasa besar, sudah hilang,” katanya pada sidang akhbar di kediamannya di sini, hari ini.

Dr. Mahathir berkata, ketika beliau mengadakan pertemuan bersama mendiang pada bulan Jun 2002, tahap pemikiran John Paul pada masa itu cukup baik.

Menurutnya, dalam pertemuan itu mendiang John Paul memberi perhatian serius berhubung isu Palestin dan menolak penggunaan penindasan dan kekerasan dalam menyelesaikan isu tersebut.

“Beliau sanggup mendengar pemimpin Palestin termasuk Yasser Arafat tentang masalah rakyat Palestin.

“Saya percaya bekas Perdana Menteri Lebanon, Rafiq Hariri juga kerap berjumpa mendiang kerana Lebanon mempunyai penduduk Kristian yang ramai,” katanya.

Menurut Dr. Mahathir lagi, beliau menerima jemputan bertemu dengan



**DR. MAHATHIR**

mendiang kerana ia sebenarnya adalah satu pengiktirafan kepada peranan Malaysia di arena antarabangsa.

Beliau berkata, tiada pertemuan kali kedua di antara kedua-dua pemimpin itu diatur selepas itu.

“Mungkin dia sudah terlalu tua dan tidak kuat lagi. Dia juga sudah mengurangkan aktiviti lawatan kerana semasa hayatnya beliau merupakan Paus yang banyak melakukan lawatan,” ujarnya.

## Masalah

Ditanya pandangannya terhadap mendiang, Dr. Mahathir berkata, mendiang merupakan seorang lelaki hebat.

“Beliau pemimpin kepada lebih satu bilion penganut agama Kristian mazhab Katholik. Walaupun gereja menghadapi banyak masalah tetapi dia boleh memastikan penganut Katholik terus bersama,” katanya.

Dr. Mahathir menambah, beliau berharap pengganti mendiang akan mempunyai pendirian yang sama iaitu tidak memihak kepada satu puak sahaja tetapi cuba memberi pandangan yang seimbang berkenaan isu antarabangsa.